

CNS4501

U PB 19-12 00200 BA804

Aab

Mahathir - Sultan ''''

Oleh Wan A. Hulaimi

I

LONDON, 19 Dis (Bernama) -- Sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia akan musnah jika sultan melibatkan diri dalam politik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada penuntut-penuntut Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan peribadi ke sini, berkata bahawa Raja Berperlembagaan seperti yang diamalkan di Malaysia tidak bermakna Sultan tidak terlibat sama sekali dalam politik, tetapi ia menghalang mereka daripada terlibat secara langsung dalam politik parti.

+Di Malaysia kita mahu demokrasi dan raja-raja kita. Dan itulah sebabnya kita kata raja kita tertakluk kepada Perlembagaan, sementara kerajaan yang dipilih memerintah,+ katanya semasa menjawab soalan daripada seorang penuntut pada satu sesi dialog di Malaysia Hall pada hari Selasa.

Beliau menambah: +Kita tidak mahu menghapuskan sistem Raja Berperlembagaan ini. Ia satu sistem yang baik, dan kami mahu meneruskannya. Tetapi janganlah melibatkan (Sultan) dalam politik.+

Pilihan kepada sistem sekarang ialah dengan Raja, sebagai Ketua Eksekutif, memerintah secara dekri seperti di Iran, semasa diperintah oleh Shah, katanya, dan +kita tahu apa yang berlaku kepada Shah yang, sebelum kejatuhannya, kakinya dicitum oleh pengikut-pengikutnya di khalayak ramai+. -- Lagi.

♥19/12/11-02MST

CNS4505

U PB 19-12 00176 BA805

Aab

Mahathir - Sultan 2 London ''''

Perdana Menteri berkata demokrasi membolehkan kerajaan mendapat maklumat balas daripada rakyat seperti yang ditunjukkan melalui undi mereka; sesuatu yang Shah tidak perolehi, dan yang menyumbang kepada kejatuhannya.

+Kita nak sanjung raja kita, bukan nak menjatuhkan mereka. Kita tidak mahu sebuah republik. Tetapi raja-raja mestilah tahu peranan mereka,+ katanya.

Beliau menjelaskan kepada para penuntut bahawa itulah sebabnya UMNO terpaksa membahaskan isu tersebut untuk menunjukkan bahawa perasaan ini mengenai peranan wajar raja-raja telahpun tersemam di jiwa rakyat.

Ketika menjawab soalan-soalan mengenai peranan Islam di Malaysia, beliau berkata, agama tidak harus dicampuradukkan dengan politik, kerana ia (agama) hak semua orang. Dan salah untuk menyatakan bahawa orang Islam yang tidak memberi undi mereka kepada sesebuah parti Islam, ialah kafir.

Katanya, bagi beliau, sikap amanah merupakan satu perkara amat penting dalam Islam, kemampuan bersikap jujur bukan kerana kurangnya peluang untuk menjadi sebaliknya, tetapi kerana orang Islam dididik supaya mempercayai bahawa mereka tidak harus mengambil sesuatu yang bukan hak mereka. -- Lagi.

♥19/12/11-22MST

CNS4508

C GB 19-12 00142 BA806

Aab

Mahathir - Sultan 3 London ''

+Kalau kita jujur, ikhlas, itu lebih penting daripada nampak sahaja Islam.+

Tetapi ada orang yang memberi penekanan yang lebih kepada rupa bentuk luaran daripada isi kandungan agama itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

+Islam gagal hari ini kerana umatnya tidak mengikuti nilai-nilai Islam, seperti persaudaraan. Jika kita berpecah, itu bukan ajaran Islam,+ katanya.

Beliau berkata ada orang yang apabila bercakap mengenai Islam, akan memberi perhatian tentang persoalan wanita, tetapi mengabaikan persoalan kejururan, keikhlasan dan perpaduan kerana menganggapnya tidak penting.

Orang Melayu Islam di Malaysia, sebagai keturunan yang sama, tidak sepatutnya menghadapi masalah sesama mereka, tetapi mereka mewujudkan masalah mereka sendiri.

+Apa perlunya tubuh parti Islam? Apa perlunya kata kepada orang Islam, kalau tak sokong parti Islam, dia tak Islam?+ -- Lagi.

♥19/12/11-24MST

CNS4513

U PB 19-12 00174 BA807

Aab

Mahathir - Sultan 4 London

+Zaman gemilang Islam ada Ibn Rusyd, Ibn Sina, sehingga pada zaman Renaissance orang Barat mengambil alih dan orang Islam berundur dan kata itu sekular, ini sekular...+

Itulah sebabnya +pada Perhimpunan Agung UMNO saya tekankan perlunya, orang-orang pandai dalam hukum- hukum Islam mengadakan perhubungan baik dengan orang-orang yang pakar dalam bidang-bidang lain.+

Kepada saranan seorang penuntut bahawa UMNO boleh menyelesaikan tentangan sesetengah orang Islam terhadap semangat nasionalisme dengan menukarkan nama parti itu kepada Pertubuhan Kebangsaan Islam Bersatu, Dr Mahathir berkata bahawa orang Islam tidak berhak untuk menggunakan Islam bagi tujuan politik.

+Nasionalisme kita bukan asabiyyah - bukan kita taasub sehingga menepikan agama, macam Kamal Ataturk yang kata agama halangan kepada orang Turki,+ katanya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Datuk Seri Dr Mahathir berkata masanya akan tiba apabila kaum Bumiputera terpaksa diberitahu bahawa kerajaan tidak lagi dapat melakukan apa yang sedang dibuatnya untuk mereka, tetapi, katanya, ketika itu beliau mungkin tidak dapat melihatnya lagi. -- Lagi.

♥19/12/11-45MST

CNS4551.

U PB 19-12 00133 BA811 .

Aab

Mahathir - Sultan 5 London

Beliau menjelaskan bahawa matlamat DEB bukanlah untuk membankrapkan Bumiputera, yang membazirkan faedah-faedah yang diberikan kepada mereka, tetapi menolong mereka mendapatkan kemahiran untuk memperolehi kedudukan ekonomi yang setanding dengan bukan Bumiputera.

Kerajaan telah dikritik kerana DEB, katanya, tetapi apabila pengkritik-pengkritik berkenaan dipelawa menganggotai jawatankuasa bagi menyediakan satu cadangan yang mereka persetujui secara sepakat, mereka belum lagi dapat melakukannya sekalipun sudah dua tahun berlalu.

+Nampaknya orang yang pandai kritik tak pandai buat. Jadi kita terpaksa membuat dasar DEB sendiri untuk tahun-tahun 90-an.+

Sejak tiba di sini pada Ahad lepas, Perdana Menteri telah mengadakan perjumpaan dengan bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher, dan akan menemui penggantinya, John Major, di Downing Street hari ini. --
Bernama.

♥19/12/12-54MST